




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 20 – 23 OGOS 2021

BIL. 32 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 23 Ogos 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,297,723** atau 82.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **260,700 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **17,672** dan menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,572,765 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 20 Ogos 2021 dengan **23,564 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **17,664 kes** daripada catatan harian dengan **86.6 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 8 kes**. Kawasan Lembah Klang mendominasi **kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 46.6 peratus**, Zon Selatan (16.3 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.9 peratus), Zon Utara (13.7 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.5 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **4,316 kes** disusuli Sabah (2,474 kes), Kedah (1,602 kes), Sarawak (1,538 kes), Pulau Pinang (1,451 kes), Johor (1,367 kes) dan Kelantan (1,176 kes). Sejumlah **14,342 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **174 kematian terbaru** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **360 kes** yang dicatatkan pada 8 Ogos 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 22 Ogos 2021 menunjukkan seramai **18,258,947** telah **divaksinasi**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **3,878,876** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,667,843. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (1,851,185), Sarawak (1,833,323), Sabah (1,444,093), Perak (1,090,974) dan Pulau Pinang (1,059,582). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **31.28 juta dos** bagi dos pertama dan kedua sementara jumlah pendaftaran bagi program vaksinasi telah mencecah 20.99 juta orang.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - US: **Indeks pelopor ekonomi (Leading Economic Index) meningkat sedikit lebih tinggi pada bulan Julai**. Laporan Conference Board menunjukkan indeks pelopor ekonomi US meningkat 0.9% pada bulan

Julai setelah meningkat 0.5% pada bulan Jun. Penganalisis ekonomi menjangkakan indeks naik 0.8%. (RTT)

- US: **Tuntutan elaun pengangguran mingguan turun ke tahap rendah.** Labor Department melaporkan tuntutan elaun pengangguran US bagi minggu yang berakhir 14 Ogos turun kepada 348,000, penurunan 29,000 dari minggu sebelumnya. (RTT)
- UK: **Perbelanjaan atas kad menurun kepada 94% dari tahap pra-pandemik.** Perbelanjaan untuk kad kredit dan debit di UK turun pada minggu hingga 12 Ogos kepada 94% dari tahapnya sebelum pandemik. (RTT)
- HONG KONG: **Indeks harga pengguna Hong Kong meningkat 3.7% tahun ke tahun pada bulan Julai, setelah mencatatkan kenaikan 0.7% pada bulan Jun.** Tidak termasuk kesan dari langkah *one-off relief: Exemption from Salaries Tax and Profits Tax (Anti-epidemic Fund) Order*, indeks harga pengguna meningkat 1.0% tahun ke tahun pada bulan Julai, menyusuli kenaikan 0.4% pada bulan sebelumnya. (RTT)
- AUSTRALIA: **Kadar pengangguran turun kepada 4.6% pada bulan Julai.** Ekonomi Australia menambah 2,200 pekerjaan bulan lalu berbanding jangkaan kehilangan 46,200 pekerjaan menyusuli penambahan 29,100 pekerjaan sebulan sebelumnya. Kadar penyertaan masuk pada 66.0%, sejajar dengan jangkaan dan turun dari 66.2% pada bulan sebelumnya. (RTT)
- SOUTH KOREA: **Indeks harga pengeluar melonjak 0.7% bulan ke bulan pada bulan Julai** berbanding peningkatan 0.5% pada bulan Jun. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, harga pengeluar melonjak 7.1% selepas mencatatkan 6.6% peningkatan dua bulan berturut-turut. Perincian menunjukkan harga produk pertanian meningkat 1.5% bulan ke bulan dan 8.4% pada asas tahunan, produk pembuatan meningkat 1.0% manakala 11.8% tahun ke tahun, utiliti meningkat 0.7% bulan ke bulan dan 1.8% berbanding tahun sebelumnya dan perkhidmatan meningkat 0.4% bulan ke bulan dan 2.3% pada asas tahunan. (RTT)
- US: **Pertumbuhan pekerjaan hingga Mac disemak 166,000 lebih rendah.** Sektor Rekreasi dan Perhotelan yang paling terkesan akibat COVID-19, menyumbang sebahagian besar semakan, dengan pertumbuhan pekerjaan yang disemak turun sebanyak 4.6%. (Reuters)
- EU: **Inflasi EU melebihi sasaran ECB pada bulan Julai.** Inflasi Euro Zone meningkat kepada 2.2% pada bulan Julai, kadar tertinggi dalam hampir tiga tahun dan melebihi sasaran 2.0% Europe Central Bank. Ini adalah kadar tertinggi sejak Oktober 2018. Inflasi bulan ke bulan di blok ekonomi berkenaan jatuh -0.1%, sejajar dengan purata ramalan penganalisis ekonomi. (RTT)

- EU: **Output pembinaan turun untuk bulan ketiga berturut-turut pada bulan Jun.** Output pembinaan turun -1.7% bulan ke bulan pada bulan Jun, setelah merosot -0.4% pada bulan Mei. Pembinaan bangunan menurun -1.9% manakala kejuruteraan awam meningkat 0.2%. Berdasarkan tahun ke tahun, output pembinaan meningkat 2.8% pada bulan Jun, setelah pertumbuhan 12.2% pada bulan sebelumnya. (RTT)
- UK: **Indeks harga pengguna UK perlahaan pada bulan Julai sasaran Bank of England.** Indeks harga pengguna meningkat 2.0% tahun ke tahun setelah meningkat 2.5% pada bulan Jun. Inflasi teras, yang tidak termasuk harga tenaga, makanan, minuman beralkohol dan tembakau, perlahaan kepada 1.8% daripada 2.3% pada bulan sebelumnya. (RTT)
- JAPAN: **Pesanan jentera teras Jun turun 1.5% bulan ke bulan setelah melonjak 7.8% pada bulan Mei.** Pada asas perbandingan tahun ke tahun, pesanan jentera teras meningkat 18.6%, setelah naik 12.2% pada bulan sebelumnya. Bagi keseluruhan ST2 2021, pesanan jentera teras meningkat 4.6% bagi suku tahun kepada JPY2.521 bilion. (RTT)
- INDONESIA: **Lebihan perdagangan Indonesia adalah sebanyak USD2.588 bilion pada bulan Julai** berbanding USD3.225 bilion setahun yang lalu. Pada bulan Jun, lebihan perdagangan adalah USD1.324 bilion. Eksport meningkat 29.32% manakala import meningkat 44.44% tahun ke tahun pada bulan Julai. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1. Bank Dunia menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang 4.5 peratus pada 2021**, rendah 1.5 mata peratusan berbanding unjuran awalnya 6.0 peratus.
- 2. Pada tahun 2020, KDNK Johor menguncup 4.6 peratus dengan nilai ditambah sebanyak RM128 bilion iaitu penurunan sebanyak RM6.2 bilion. Ekonomi Johor diunjurkan berkembang antara tiga hingga lima peratus pada tahun 2021.**
- 3. Selangor melepassi sasaran RM12 bilion nilai pelaburan apabila menerima sebanyak RM18.43 bilion pada tahun 2020.**
- 4. Sebanyak 90 peratus usahawan Bumiputera termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdepan risiko muflis disebabkan pelbagai sekatan akibat COVID-19 sejak awal tahun lalu. Menurut Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), usahawan terbabit terjejas teruk sehingga ada yang kehilangan sumber pendapatan. Oleh itu, bantuan diperlukan bagi mengembangkan semula perniagaan dan ekonomi negara.**
- 5. Malaysia akan memulakan pemberian vaksin satu dos apabila menerima sejumlah 200,000 dos vaksin CanSino daripada pembekal CanSino Biologics, China. Sebanyak 3.5 juta dos vaksin CanSino sudah ditembah dengan penghantaran berperingkat. Ini merupakan vaksin COVID-19 satu dos yang pertama di Malaysia. Dengan ketibaan vaksin berkenaan, ia bakal memudahkan pemberian vaksin terutama di kawasan yang sukar diakses dan seterusnya membantu Malaysia mencapai sasaran imuniti kelompok seperti yang disasarkan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut garis masa yang ditetapkan.**
- 6. Pengeluar utama kenderaan termasuk Toyota dan Volkswagen telah menunjukkan bahawa industri automotif terus mengalami kekurangan cip semikonduktor yang berterusan dan situasi ini dilihat tidak menunjukkan tanda-tanda pemulihran. Masalah terbaru muncul apabila kes COVID-19 melonjak naik di negara-negara Asia yang menempatkan kilang kenderaan dan kilang cip seperti Jepun, Filipina, Thailand, Vietnam dan Malaysia, yang menyebabkan kawalan pergerakan yang lebih ketat untuk mencegah penyebaran virus.**
- 7. Kumpulan UMW menjangkakan kadar penjualan automotif akan meningkat pada Ogos dengan pembukaan semula bilik pameran dan kilang pemasangan automotif bermula 16 Ogos lalu berikutan pelonggaran sekatan pergerakan penuh. Sektor automotif domestik**

terkesan oleh sekatan pergerakan penuh, yang bermula 1 Jun lalu, apabila perangkaan Persatuan Automotif Malaysia (MAA) baru-baru ini menunjukkan hanya 7,086 unit didaftarkan pada Julai 2021, disumbangkan terutamanya oleh Sabah dan Sarawak, yang mana bilik pameran dibenarkan beroperasi kerana kedua-dua negeri berkenaan diletakkan di bawah Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

8. **Pada akhir urus niaga, kontrak niaga hadapan MSM bagi September 2021 naik RM9 kepada RM4,514 satu tan**, Oktober 2021 meningkat RM15 kepada RM4,371 satu tan, November 2021 meraih RM27 kepada RM RM4,265 satu tan Disember 2021 menokok RM29 kepada RM4,193 satu tan.
9. **Keuntungan bersih Pharmaniaga Bhd untuk suku kedua berakhir 30 Jun 2021 melonjak kepada RM13.7 juta daripada RM9.98 juta**. Pendapatan menokok 82 peratus kepada RM1.2 bilion berbanding tahun lepas. Seiring dengan perolehan yang agak tinggi, pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) mencatatkan pertumbuhan 28 peratus kepada RM39 juta daripada RM30 juta.
10. **Global Systèmes Asia Sdn Bhd (GSA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan AEROBAY bagi membuka ruang pembangunan hab digital pembekalan alat ganti dan perkhidmatan (MRO) pengendalian pesawat serta helikopter di rantau Asia Pasifik**. Usaha ini akan memanfaatkan pasaran MRO global bernilai AS\$750 (RM3,172 bilion) dan menjadikan GSA sebagai syarikat MRO pertama di rantau Asia Pasifik yang menyediakan platform eDagang (E-Commerce) bagi alat ganti dan lebih stok. Usaha sama ini akan mewujudkan AEROBAY Asia Pacific (AAP), di mana kedua-dua syarikat akan berkolaborasi dalam bidang kepakaran masing-masing.
11. **Harga minyak mentah turun naik mengikut kepada sekatan pergerakan, kadar jangkitan COVID-19 dan kadar vaksinasi**. Bagi suku tahun pertama (ST1) sehingga suku tahun kedua (ST2) 2021, rata-rata harga minyak Brent **melonjak lebih dari 50 peratus**, meningkat kepada AS \$80 (RM339) setong untuk pertama kalinya **setelah lebih dari dua tahun setengah**.
12. **Pasaran minyak mentah** kini mencatatkan **kerugian tujuh hari berturut-turut** minggu lalu. Banyak negara di seluruh dunia memberi maklum balas **peningkatan kadar jangkitan** disebabkan oleh varian **Delta** menyebabkan penambahan **sekatan perjalanan** untuk mengekang penyebaran.

13. Kadar migrasi di Malaysia **menyusut 1.5 peratus** iaitu 484,100 orang **bagi tempoh 2019-2020**, berbanding 524,100 orang (1.6 peratus) pada 2018.
14. Seramai **779 guru di Johor menolak untuk menerima vaksin COVID-19**. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) akan membantu **memberi penerangan** kepada kumpulan guru terbabit mengenai kebaikan vaksin supaya mereka bersedia menerima suntikan.
15. Sarawak sedang **memuktamadkan persediaan** bagi melaksanakan proses **pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun** dalam usaha mengekang jangkitan COVID-19.
16. **Kekurangan bekalan semikonduktor global**, termasuk cip dari Malaysia akan **mengurangkan pengeluaran kenderaan di seluruh dunia** sehingga **7.1 juta unit** tahun ini. Kadar vaksinasi rendah, peningkatan kadar jangkitan dan sekatan di Asia Tenggara mendorong **penutupan kilang** yang mengumpulkan semua jenis semikonduktor dan ini memberi kesan kepada pembekal tempatan.
17. Kerajaan negeri Johor menyalurkan **bantuan 'one-off' kepada 19,000 pengusaha PKS dan mikro** yang berdaftar dengan 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri tersebut.
18. Seramai **47 pengusaha tanaman fertigasi melon manis di Terengganu** menerima **insentif sebanyak RM250,000** sebagai galakan bagi **meningkatkan mutu dan produktiviti buah berkenaan**. Antara bantuan diberikan ialah benih, baja, racun, sistem pengairan, EC meter, PH meter, basilus serta input-input lain.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 20 Ogos 2021 (non-essential)	<p>Kemelut politik jejas pemulihan ekonomi Malaysia: Bank Dunia</p> <p>Ketidakpastian politik domestik kini menjadi antara risiko utama yang boleh merencatkan pemulihan ekonomi Malaysia, selain impak negatif dicetuskan penularan pandemik COVID-19, menurut Bank Dunia.</p> <p>Ketidakstabilan dalam pakatan yang memerintah boleh menyebabkan kelewatan pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), dan mungkin mempengaruhi proses Belanjawan 2022.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/853520/kemelut-politik-jejas-pemulihan-ekonomi-malaysia-bank-dunia
2.	Berita Harian 22 Ogos 2021 (Essential)	<p>Tambahan 6 juta vaksin bukti kerajaan komited lawan pandemik</p> <p>Kerajaan telah membuat pembelian tambahan enam juta dos vaksin dalam memastikan negara keluar daripada pandemik COVID-19 dan demi menjamin kesejahteraan rakyat.</p> <p>Tambahan vaksin bakal tiba pada September akan dapat mempertingkatkan liputan vaksinasi kepada rakyat di seluruh negara. Sehingga kini, sejumlah 54.3 peratus individu dewasa sudah lengkap divaksinasi dengan dua dos vaksin.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/854711/tambahan-6-juta-vaksin-bukti-kerajaan-komited-lawan-pandemik

3.	Metro 22 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Ekonomi Johor diunjur berkembang 3 hingga 5 peratus</p> <p>Ekonomi Johor diunjurkan berkembang antara tiga hingga lima peratus pada tahun 2021. Di peringkat nasional Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan ekonomi pada tahun 2021 pada kadar tiga hingga empat peratus. Pada tahun 2020, KDNK Johor menguncup 4.6 peratus dengan nilai ditambah sebanyak RM128 bilion iaitu penurunan sebanyak RM6.2 bilion. Melihat kepada prestasi hasil Kerajaan Johor pula, jumlah yang dikutip berjumlah RM1.05 bilion atau 65.29 peratus berbanding anggaran asal setakat sehingga 17 Ogos.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/745489/ekonomi-johor-diunjur-berkembang-3-hingga-5-peratus
4.	Utusan Malaysia 23 Ogos 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Pelbagai suntikan rangsang ekonomi Selangor</p> <p>Bagi tahun pertama serangan pandemik, Selangor menerima pelaburan dari dalam dan luar negara berjumlah RM18.43 bilion yang merupakan 324 projek perkilangan diluluskan oleh Lembaga Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).</p> <p>Daerah Petaling mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding daerah lain dengan nilai pelaburan melebihi RM5.934 bilion, diikuti Kuala Langat, RM5.785 bilion dan Klang, RM3.477 bilion.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/08/pelbagai-suntikan-rangsang-ekonomi-selangor/

Penemuan penting & isu:

1. Adalah dijangkakan hampir separuh daripada 1.15 juta perusahaan mikro, kecil dan sederhana akan berisiko gulung tikar sekiranya aktiviti ekonomi yang non-essential tidak dibenarkan beroperasi.
2. Bank Dunia menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang 4.5 peratus pada 2021, rendah 1.5 mata peratusan berbanding unjuran awalnya 6.0 peratus.
3. Pembelian tambahan sebanyak enam juta dos vaksin dalam usaha kerajaan mendepani pandemik COVID-19 demi kesejahteraan hidup rakyat.
4. Pada tahun 2020, KDNK Johor menguncup 4.6 peratus dengan nilai ditambah sebanyak RM128 bilion iaitu penurunan sebanyak RM 6.2 bilion. Ekonomi Johor diunjurkan berkembang antara tiga hingga lima peratus pada tahun 2021.
5. Selangor melepassi sasaran RM12 bilion nilai pelaburan apabila menerima sebanyak RM18.43 bilion pada tahun 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembelian tambahan dos vaksin dapat mempercepatkan lagi program vaksinasi negara. Sehingga kini sasaran 80 peratus penduduk divaksinasi telah tercapai sebanyak 54.3 peratus. Pencapaian kadar vaksinasi ini akan membantu mendapatkan keyakinan masyarakat dan industri untuk kembali merancakkan aktiviti ekonomi. Perbelanjaan pembelian dos vaksin ini direkodkan di bawah perbelanjaan kerajaan dan pada suku tahun kedua 2021, perbelanjaan kerajaan bertumbuh 9.0 peratus.
2. Pada tahun 2020, Johor mencatatkan nilai KDNK berjumlah RM128.0 bilion, lebih rendah berbanding tahun sebelumnya iaitu RM134.2 bilion dengan merekodkan kadar pertumbuhan negatif 4.6 peratus (2019: 2.8%). Permintaan luaran yang lemah dan langkah kawalan sekatan yang lebih rapi bagi pembendungan kesan COVID-19 telah mengakibatkan kejutan bagi penawaran dan permintaan. Ekonomi Johor mencatatkan penguncupan dalam semua sektor pengeluaran kecuali sektor Pertanian yang mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2020. Sektor Perkhidmatan menyusut 3.4 peratus sementara sektor Pembuatan merekodkan penurunan 3.7 peratus. Sektor Pembinaan dan sektor Perlombongan dan pengkuarian turut menyumbang kepada penurunan prestasi ekonomi negeri ini dengan masing-masing merosot 37.7 peratus dan 14.5 peratus.

3. Pelaksanaan pelbagai pakej rangsangan ekonomi daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Selangor telah memberikan hasil apabila Selangor menerima jumlah pelaburan yang tinggi pada tahun 2020. Namun begitu, ekonomi negeri Selangor mencatatkan pertumbuhan negatif 5.3 peratus pada tahun lalu.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Harian Metro 20 Ogos 2021 (<i>Essential</i>)	Potong gaji elak pemberhentian Situasi ekonomi kurang memberangsangkan sejak 2020 memberi kesan khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana kebiasaannya perusahaan ini beroperasi dengan sumber terhad. PKS yang merangkumi 97.2 peratus daripada keseluruhan entiti perniagaan di Malaysia memiliki 7.25 juta pekerja atau 48 peratus daripada keseluruhan guna tenaga. Syarikat yang tidak dibenarkan beroperasi ketika penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi sejak Jun lalu cenderung melaksanakan pemotongan gaji berbanding memberhentikan pekerja bagi mengekalkan kelangsungan operasi.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/08/744605/potong-gaji-elak-pemberhentian
2.	Utusan Malaysia 20 Ogos 2021 (<i>Essential</i>)	'Buka sektor atas faktor ekonomi, bukan kerana keadaan sudah selamat' “Peringatan untuk semua, banyak sektor dibuka (dibenarkan beroperasi) adalah atas faktor	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/buka-sektor-atas-faktor-ekonomi-bukan-kerana-keadaan-sudah-selamat/

		<p>ekonomi dan bukannya kerana keadaan sudah selamat". Itu yang ditegaskan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, untuk itu semua pihak perlu sentiasa beringat dengan memakai pelindung muka dan mengamalkan penjarakan fizikal serta kerap mencuci tangan. "Elak berada di tempat yang sesak. Kekal selamat dan dapatkan vaksinasi secepat mungkin," tegasnya.</p>	
3.	Kosmo! 20 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>24 premis dikompaun jual minyak masak botol mahal</p> <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenakan kompauan terhadap 24 premis kerana didapati menjual harga minyak masak tulen botol melebihi harga maksimum. Premis tersebut dikesan berdasarkan pemantauan dan pemeriksaan yang dilakukan terhadap 8,885 premis di seluruh negara bermula 1 Ogos hingga Rabu lalu. Daripada 8,885 premis itu, sejumlah 7,779 premis patuh menjual pada harga maksimum yang ditetapkan. Manakala, sejumlah 1,082 premis menjual minyak masak sawit tulen botol pada harga lebih rendah daripada harga maksimum yang ditetapkan walaupun dalam keadaan harga minyak sawit mentah semakin meningkat," katanya dalam kenyataan akhbar hari ini.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/08/20/24-premis-dikompaun-jual-minyak-masak-botol-mahal/

4.	Bernama 20 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Kontrak niaga hadapan MSM ditutup tinggi <p>Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatives meningkat sedikit pada akhir dagangan Jumaat seiring dengan prestasi pasaran minyak kacang soya di Lembaga Dagangan Chicago Amerika Syarikat (CBOT). Peniaga minyak David Ng berkata peningkatan itu juga didorong oleh penyusutan harga MSM baru-baru ini.</p>	https://www.bernama.com/bm/pasaran/news.php?id=1994799
5.	Berita Harian 20 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Sekatan kilang cip Malaysia jejas industri kereta dunia <p>MICHIGAN: Kekurangan bekalan semikonduktor global, termasuk cip dari Malaysia akan mengurangkan pengeluaran kenderaan di seluruh dunia sehingga 7.1 juta unit tahun ini. Gangguan bekalan berkaitan pandemik itu akan menjelaskan industri hingga tahun depan, kata IHS Markit. Kekurangan cip tidak akan stabil sehingga suku kedua tahun depan dengan pemuliharan dijangka berlaku pada separuh kedua, demikian menurut IHS dalam satu laporan.</p> <p>Unjuran firma penyelidikan itu tidak termasuk pengurangan terbaharu daripada Toyota Motor Corp, yang merancang untuk menghentikan sebentar output di 14 kilang bulan depan dan mengurangkan pengeluarannya sehingga 40 peratus.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/08/853625/sekatan-kilang-cip-malaysia-jejas-industri-kereta-dunia

6.	<p>Berita Harian 20 Ogos 2021 (Essential)</p>	<p>Peniaga dibenar beroperasi semula digesa sentiasa berwaspada</p> <p>Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Samenta) menggesa semua perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bertindak waspada memandangkan mereka akan mengoperasikan kembali perniagaan masing-masing.</p> <p>Pengerusi Dasar dan Hubungan Kerajaan, Datuk William Ng berkata, walaupun individu yang lengkap dua dos vaksin dan bersama keluarga mereka dibenarkan untuk 'dine-in' menerusi pengumuman baru-baru ini namun, restoran masih boleh memilih bagi menyediakan makanan atau minuman untuk dibawa pulang, atau mengehadkan hanya individu dewasa yang lengkap vaksin sahaja dibenarkan makan di premis mereka.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2021/08/85352/peniaga-dibenar-beroperasi-semula-diges-sentiasa-berwaspada</p>
7.	<p>Sinar Harian 20 Ogos 2021 (Essential)</p>	<p>Jualan Sinovac bantu lonjak pendapatan, keuntungan Pharmaniaga</p> <p>KEUNTUNGAN bersih Pharmaniaga Bhd untuk suku kedua berakhir 30 Jun 2021 melonjak kepada RM13.7 juta daripada RM9.98 juta yang direkodkan dalam tempoh yang sama tahun sebelum ini. Pendapatan menokok 82 peratus kepada RM1.2 bilion berbanding tahun lepas disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi dari</p>	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/156761/BISNES/Jualan-Sinovac-bantu-lonjak-pendapatan-keuntungan-Pharmaniaga</p>

		semua segmen termasuk perniagaan di Indonesia.	
8.	New Straits Time 21 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Oil price faces COVID-19 threat KUALA LUMPUR: The spike in COVID-19 cases, which coincided with the emergence of new variants, the surging US dollar and potential increase in crude oil production could exert downward pressure on oil price as global economies grapple to reopen. Oil demand has been weighed down by lockdown enforcement globally, which was exacerbated by the United States Federal Reserve's decision to reduce its stimulus measures, which has helped the US dollar regain its value, according to market observers.	https://www.nst.com.my/business/2021/08/719882/oil-price-faces-covid-19-threat
9.	Harian Metro 21 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	PKS kembali bernafas Pembukaan berperingkat sektor ekonomi dilihat memberi nafas baru kepada unjuran keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara antara 3.0 ke 4.0 peratus selepas melalui perkembangan tidak memberangsangkan pada suku pertama dan kedua tahun ini. Dr Aimi Zulhazmi berkata, agensi kerajaan juga boleh memberikan bantuan kewangan seperti modal pusingan kepada peniaga PKS ini, kerana mereka sudah lama menutup perniagaan dan memerlukan modal permulaan membeli barang asas, deposit, sewa, fasiliti serta pelbagai	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/08/744977/pks-kembali-bernafas

		kemudahan yang penting untuk bermiaga semula.	
10.	The Edge Market 21 August 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Disposal gain of RM126.2 mil lifts Malayan Flour Mills 2QFY21 earnings</p> <p>Malayan Flour Mills Bhd (MFM) has returned to the black in the second quarter ended June 30, 2021 (2QFY21), as it posted a net profit of RM128.31 million, compared with a net loss of RM4.48 million a year ago.</p> <p>Its quarterly earnings were boosted by one-off gains of RM126.2 million from its divestment of 49% stake in its subsidiary Dindings Supreme Sdn Bhd for RM420 million cash.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/disposal-gain-rm1262-mil-lifts-malayan-flour-mills-2qfy21-earnings
11.	The Edge Market 21 August 2021 <i>(Essential)</i>	<p>On resumption of one plant, Apollo Food suspends another to curb COVID-19 outbreak</p> <p>Confectionary maker Apollo Food Holdings Bhd announced today a temporary stoppage at one of its Johor manufacturing facilities to curb the spread of COVID-19, just three days after another plant located nearby was allowed to resume operations after a one-week shutdown.</p> <p>In a bourse filing today, Apollo Food said the premises of its wholly-owned Apollo Food Industries (M) Sdn Bhd, located at No. 3, Jalan Kilang, in the Larkin Industrial Area in Johor Bahru, had received notice from the Ministry of Health to temporarily</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/resumption-one-plant-apollo-food-suspends-another-curb-covid19-outbreak

		stop its operations from 9pm today until Aug 25.	
12.	The Star 21 August 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Auto players hopeful of recovery for rest of 2021</p> <p>THE massive losses that the auto industry is suffering has come as a surprise to some. Early this week, the Malaysian Automotive Association (MAA) had put the estimated total losses for June and July 2021 for the industry to be over a whopping RM14bil.</p> <p>The operations of motor vehicle production plants, distributions and sales centres, especially in Klang Valley, have halted since June 1, 2021. This was before the government's economic relaxation measures allowed their re-opening from Aug 16.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/08/21/auto-players-hopeful-of-recovery-for-rest-of-2021
B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan			
13.	MyMetro 22 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>'Kami cuba bertahan selagi mampu' - Pemandu teksi</p> <p>Kebanyakan pemandu teksi di sekitar Kota Bharu mengakui mereka hanya memperoleh seorang sehingga tiga orang pelanggan sehari, malah lebih memeritkan apabila ada kalanya langsung tiada pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan teksi.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhi/r/2021/08/745479/kami-cuba-bertahan-selagi-mampu-pemandu-teksi-metrotv
C. Subsektor Penginapan			
14.	MSN News 21 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Hotel di Seberang Perai ditawarkan jadi pusat kuarantin</p> <p>Kerajaan Pulau Pinang menggesa supaya hotel di Seberang Perai dijadikan Pusat</p>	https://www.msn.com/en-my/news/berita/hotel-di-seberang-perai-ditawarkan-jadi-

		Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) susulan daripada lonjakan kes jangkitan di kawasan tanah besar Pulau Pinang sejak sebulan lalu.	pusat-kuarantin/ar-AANvdtv
15.	Berita Harian Online 23 Ogos 2021 (Essential)	<p>LADA perkenal sijil pematuhan SOP</p> <p>Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) memperkenal Sijil Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19, sebagai langkah proaktif memastikan produk pelancongan mematuhi SOP tahap tertinggi, sebaik gelembung pelancongan dibuka. Tujuan sijil ini adalah untuk mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan pelancong di Langkawi, destinasi perintis gelembung pelancongan, seperti mana yang dikatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LADA, Nasaruddin Abdul Muttalib.</p> <p>Program pensijilan secara sukarela itu membabitkan enam segmen yang berkaitan rapat dengan industri pelancongan termasuk hotel dan resort, makan dan minum, penginapan, peruncitan, ejen pelancongan dan tempat tarikan pelancong.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/08/854952/lada-perkenal-sijil-pematuhan-sop
	D. Subsektor Makanan & Minuman		
16.	Malaysiakini 20 August 2021 (essential)	<p>Several restaurants choose not to open for dine-in</p> <p>Several restaurants in areas under Phase 1 of the National Recovery Plan (NRP) are choosing not to allow dining in, one cited fears of a government U-turn as one of the reasons it would not be opening for dine-in,</p>	https://www.malaysiakini.com/news/587895?utm_source=facebook&utm_medium=dlvr.it&fbclid=IwAR0QakML0MND9VAJJKUp4WjQeZuSFPGpDqQ3p4HK10JjZ05rTP_bBgc9S70

		adding that with the change of government, there might also be a fresh change of SOPs in the coming days.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. PKS yang merangkumi 97.2 peratus daripada keseluruhan entiti perniagaan di Malaysia memiliki 7.25 juta pekerja atau 48 peratus daripada keseluruhan guna tenaga, sehubung dengan itu, inisiatif dan pakej rangsangan unik disediakan secara berterusan bagi membantu perniagaan dalam kategori ini,
2. Sektor yang dibuka (dibenarkan beroperasi) adalah atas faktor ekonomi dan bukannya kerana keadaan sudah selamat, untuk itu, semua pihak perlu sentiasa beringat dengan memakai pelindung muka dan mengamalkan penjarakan fizikal serta kerap mencuci tangan serta elak berada di tempat yang sesak dan dapatkan vaksinasi secepat mungkin
3. 24 daripada 8,885 premis dikenakan kompauan kerana menjual harga minyak masak tulen botol melebihi harga maksimum. Daripada jumlah keseluruhan sejumlah 7,779 premis patuh menjual pada harga maksimum yang ditetapkan manakala, sejumlah 1,082 premis menjual minyak masak sawit tulen botol pada harga lebih rendah daripada harga maksimum yang ditetapkan walaupun dalam keadaan harga minyak sawit mentah semakin meningkat
4. Pada akhir urus niaga, kontrak niaga hadapan MSM bagi September 2021 naik RM9 kepada RM4,514 satu tan, Oktober 2021 meningkat RM15 kepada RM4,371 satu tan, November 2021 meraih RM27 kepada RM RM4,265 satu tan Disember 2021 menokok RM29 kepada RM4,193 satu tan.
5. Kekurangan bekalan semikonduktor global, termasuk cip dari Malaysia akan mengurangkan pengeluaran kenderaan di seluruh dunia sehingga 7.1 juta unit tahun ini. Unjuran firma penyelidikan tidak termasuk pengurangan terbaharu daripada Toyota Motor Corp, yang merancang pengurangan output di 14 kilang bulan depan dan mengurangkan pengeluarannya sehingga 40 peratus.
6. Pembukaan semula semua sektor ekonomi hanya dibenarkan apabila 80 peratus daripada populasi di setiap negeri mencapai keimunan penuh.
7. Keuntungan bersih Pharmaniaga Bhd untuk suku kedua berakhir 30 Jun 2021 melonjak kepada RM13.7 juta daripada RM9.98 juta.

Pendapatan menokok 82 peratus kepada RM1.2 bilion berbanding tahun lepas. Seiring dengan perolehan yang agak tinggi, pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) mencatatkan pertumbuhan 28 peratus kepada RM39 juta daripada RM30 juta.

8. *Oil demand has been weighed down by lockdown enforcement globally, which was exacerbated by the United States Federal Reserve's decision to reduce its stimulus measures, which has helped the US dollar regain its value, according to market observers.*
9. Agensi kerajaan juga boleh memberikan bantuan kewangan seperti modal pusingan kepada peniaga PKS ini.
10. *On a quarterly basis (QoQ), MFM's net profit swelled from RM17.66 million recorded in the preceding quarter (1QFY21), while revenue on the other hand fell by 18.7% from RM708.77 million in 1QFY21. Second quarter ended June 30, 2021 (2QFY21), as it posted a net profit of RM128.31 million, compared with a net loss of RM4.48 million a year ago.*
11. *Apollo Food Holdings Bhd announced that a temporary stoppage at one of its Johor manufacturing facilities, the stoppage is to allow for the disinfection of the premises and will resume operations on Aug 26 or earlier.*
12. *The association had estimate using data from the Statistics Department, and arrived at an average total sale of RM12bil per month for both new and used motor vehicles, excluding motorcycles. After assuming that 60% of the sales were from new vehicles, the sales losses of new vehicles for June and July 2021 were estimated at RM14.4bil.*
13. Persatuan Kebajikan Pemandu Teksi Kota Bharu memaklumkan ahli persatuan itu berjumlah lebih 100 orang kini hanya tinggal 20 pemandu sahaja sejak pandemik COVID-19 melanda negara. Dilema ketiadaan pelanggan berlaku sejak Mac 2020, namun keadaan semakin teruk apabila jumlah kes COVID-19 semakin bertambah.
14. Kerajaan Pulau Pinang menggesa supaya hotel di Seberang Perai dijadikan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC). Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Negeri Yeoh Soon Hin berkata, Seberang Perai tiada hotel kuarantin walaupun empat telah beroperasi dalam kapasiti itu di bahagian pulau. Seberang Perai telah merekodkan 12,065 jangkitan COVID-19 sejak dua minggu lalu, menjadikannya kawasan paling teruk dari segi bilangan kes.

15. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) memperkenal Sijil Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19, sebagai langkah proaktif memastikan produk pelancongan mematuhi SOP tahap tertinggi, sebaik gelembung pelancongan dibuka. Ketua Pegawai Eksekutif LADA, Nasaruddin Abdul Muttalib, berkata ini bertujuan mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan pelancong di Langkawi, destinasi perintis gelembung pelancongan. Program pensijilan secara sukarela itu membabitkan enam segmen yang berkaitan rapat dengan industri pelancongan antaranya hotel dan resort, makan dan minum, penginapan, peruncitan, ejen pelancongan dan tempat tarikan pelancong.
16. Sesetengah restoran mengambil keputusan untuk tidak membenarkan pelanggan dine-in walaupun dibenarkan oleh kerajaan. Ini memandangkan pengusaha bimbang pertukaran kerajaan akan membawa kepada perubahan SOP.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pendapatan pemandu teksi masih terjejas disebabkan kekurangan pelanggan akan memberi kesan pengurangan pendapatan terhadap perkhidmatan operasi teksi dan limosin (49224) dalam segmen Pengangkutan Darat untuk tempoh ST3 2021.
2. Kadar penghunian akan meningkat disebabkan pengoperasian hotel sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC). Ini memberi kesan pertumbuhan pendapatan industri perkhidmatan penginapan (55101) untuk tempoh ST3 2021.
3. Sijil Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 yang diperkenalkan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dapat meningkatkan kehadiran pelancong untuk berkunjung ke Langkawi serta dapat memberi peluang sektor pelancongan beroperasi dengan selamat.
4. Kerajaan mengumumkan restoran dan kedai makan yang berada di negeri-negeri di Fasa 1 dibenarkan untuk dine-in dengan syarat pelanggan telah mendapat 2 dos vaksin. Pengumuman ini diharap dapat membantu pengusaha.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 20 Ogos 2021 (Essential)	Malaysia receives 200,000 doses of CanSino vaccine to boost PICK	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1994598

		<p>Malaysia today received the first batch of the China-made single-dose CanSino COVID-19 vaccine to boost the momentum of the National COVID-19 Immunisation Programme (PICK), especially in rural areas.</p> <p>A total of 200,000 doses of CanSino vaccine developed by CanSino Biologics Inc from China arrived at the KLIA here at about 8:45 am via Malaysia Airlines flight MH361.</p> <p>The COVID-19 Immunisation Task Force (CITF), in a statement today, said the 200,000 doses of the “finished product” vaccine were part of the 3.5 million doses of CanSino vaccine that had been ordered by Malaysia for delivery to the country in stages.</p>	
2.	The Edge Market 20 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>COVID-fuelled semiconductor crunch chips away at carmakers</p> <p>In grim warnings this week, major carmakers including Toyota and Volkswagen offered fresh evidence that the auto industry remains firmly in the grip of an ongoing semiconductor chip shortage that shows no sign of abating.</p> <p>The latest snarl up comes as COVID-19 cases surge in Asian countries home to auto factories and chip plants such as Japan, Philippines, Thailand, Vietnam and Malaysia, leading to stricter</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/covidfuelled-semiconductor-crunch-chips-away-carmakers

		<p>curbs to prevent the spread of the virus.</p> <p>Automobiles have become increasingly dependent on chips for everything from computer management of engines for better fuel economy to driver-assistance features such as emergency braking.</p>	
3.	Berita Harian 23 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Jualan kenderaan UMW diunjur meningkat semula bulan ini</p> <p>Kumpulan UMW menjangkakan kadar penjualan automotif akan meningkat pada Ogos dengan pembukaan semula bilik pameran dan kilang pemasangan automotif bermula dari 16 Ogos lalu berikutan pelonggaran sekatan pergerakan penuh.</p> <p>Sektor automotif domestik terkesan oleh sekatan pergerakan penuh, yang bermula 1 Jun lalu, apabila perangkaan Persatuan Automotif Malaysia (MAA) baru-baru ini menunjukkan hanya 7,086 unit didaftarkan pada Julai 2021, tertumpu kepada Sabah dan Sarawak, yang mana bilik pameran dibenarkan beroperasi kerana kedua-dua negeri berkenaan diletakkan di bawah Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p> <p>MAA baru-baru ini juga telah menurunkan jumlah sasaran jualan industri (TIV) bagi 2021 kepada 500,000 unit dari 570,000 unit yang diumumkan awal tahun ini.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/08/855036/jualan-kenderaan-umw-diunjur-meningkat-semula-bulan-ini

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia akan memulakan pemberian vaksin satu dos apabila menerima sejumlah 200,000 dos vaksin CanSino daripada pembekal CanSino Biologics, China. Sebanyak 3.5 juta dos vaksin CanSino sudah ditempa dengan penghantaran berperingkat. Ini juga adalah vaksin COVID-19 satu dos yang pertama di Malaysia. Dengan ketibaan vaksin berkenaan, ia bakal memudahkan pemberian vaksin terutama di kawasan yang sukar diakses dan seterusnya membantu Malaysia mencapai sasaran imuniti kelompok seperti yang disasarkan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut garis masa yang ditetapkan.
2. Pengeluar utama kenderaan termasuk Toyota dan Volkswagen telah menunjukkan bahawa industri automotif terus mengalami kekurangan cip semikonduktor yang berterusan dan situasi ini dilihat tidak menunjukkan tanda-tanda pemulihran. Masalah terbaru muncul apabila kes COVID-19 melonjak naik di negara-negara Asia yang menempatkan kilang kenderaan dan kilang cip seperti Jepun, Filipina, Thailand, Vietnam dan Malaysia, yang menyebabkan kawalan pergerakan yang lebih ketat untuk mencegah penyebaran virus.
3. Kumpulan UMW menjangkakan kadar penjualan automotif akan meningkat pada Ogos dengan pembukaan semula bilik pameran dan kilang pemasangan automotif bermula 16 Ogos lalu berikutan pelonggaran sekatan pergerakan penuh. Sektor automotif domestik terkesan oleh sekatan pergerakan penuh, yang bermula 1 Jun lalu, apabila perangkaan Persatuan Automotif Malaysia (MAA) baru-baru ini menunjukkan hanya 7,086 unit didaftarkan pada Julai 2021, disumbangkan terutamanya oleh Sabah dan Sarawak, yang mana bilik pameran dibenarkan beroperasi kerana kedua-dua negeri berkenaan diletakkan di bawah Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import kod HS 6 digit 300220 *human blood; animal blood prepared for therapeutic, prophylactic or diagnostic uses; antisera, other blood fractions and immunological products, whether or not modified or obtained by means of biotechnological processes; vaccines, toxins, cultures of micro-organisms (excluding yeasts) and similar products.vaccines for human medicine*: yang terkandung di dalamnya vaksin COVID-19 bagi Jun 2021 adalah RM680.9 juta dan mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM434.3 juta atau 176.1 peratus bulan ke bulan. Antara vaksin COVID-19 yang telah diimport sehingga Jun 2021 adalah keluaran Pfizer, Sinovac dan Astra Zeneca.

2. Nilai eksport bagi kod HS empat digit 8541; *diodes, transistors and similar semiconductor devices; photosensitive semiconductor devices, including photovoltaic cells whether or not assembled in modules or made up into panels; light-emitting diodes (led); mounted piezo-electric crystals* yang terkandung di dalamnya cip semikonduktor bagi Jun 2021 adalah RM2,971.4 juta dan meningkat RM186.3 juta atau 6.7 peratus bulan ke bulan. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport bagi Jun 2021 dengan nilai eksport sebanyak RM662.7 juta atau 22.3 peratus, diikuti oleh Hong Kong (RM532.7 juta atau 17.9 peratus) dan Singapura (RM330.4 juta atau 11.1 peratus).
3. Nilai eksport motokar (sudah dipasang dan baru) bagi Jun 2021 adalah RM10.0 juta dan menyusut sebanyak RM28.0 juta atau 72.8 peratus bulan ke bulan. Volum eksport motokar (sudah dipasang dan baru) bagi Jun 2021 adalah sebanyak 103 unit, menyusut 465 unit atau 81.9 peratus bulan ke bulan.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star 19 Ogos 2021 (non-essential)	Sunway Construction posts RM8.3mil profit in Q2 Sunway Construction Group Bhd posted a higher net profit of RM8.32 million in the second quarter ended June 30, 2021 compared with RM2.19 million in the same quarter last year.	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/08/19/sunway-construction-posts-rm83mil-profit-in-q2
2.	Dagang.news 20 Ogos 2021 (non-essential)	Econpile dijangka raih manfaat dengan pembukaan sektor pembinaan Perolehan kontrak terbaharu Econpile Holdings Bhd. menerusi anak syarikatnya, Econpile (M) Sdn. Bhd. mencerminkan peluang yang terbuka luas buat kumpulan terutama apabila sektor pembinaan dibenarkan beroperasi semula.	https://dagangnews.com/econpile-dijangka-raih-manfaat-dengan-pembukaan-sektor-pembinaan-8399

Penemuan penting & isu:

1. *Despite the challenging economic landscape, Sunway Construction secured new contracts worth RM620 million and maintained a healthy outstanding orderbook of RM4.8 billion as at June 30.*
2. Econpile memaklumkan ia memperoleh kontrak bernilai RM22.69 juta daripada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TARUC). Kontrak itu untuk menjalankan kerja tanah, cerucuk, infrastruktur dan kerja-kerja berkaitan bagi pembinaan pusat rekreasi dan aktiviti setinggi 7 tingkat di Setapak, Kuala Lumpur. Kontrak yang diperoleh itu membabitkan tempoh selama 10 bulan dengan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada September 2021.
- .

Maklumbalas Bahagian:

1. Sunway Construction Group Bhd mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM8.32 juta pada suku tahun kedua yang berakhir pada 30 Jun 2021 lalu berbanding dengan jumlah RM2.19 juta pada suku tahun yang sama tahun lalu. Pendapatan syarikat melonjak 167.7% kepada RM375.27 juta daripada RM140.18 juta sebelumnya disebabkan oleh sumbangan yang lebih tinggi dari sektor pembinaan dan dari segmen *precast* serta kesan asas yang rendah pada suku kedua 2020.
2. Malacca Securities Research berkata, ia merupakan kontrak pembinaan pertama yang dijamin diperoleh Econpile bagi tahun kewangan 2022. Nilai projek semasa merangkumi 4.5% daripada jangkaan mereka iaitu RM500 juta tahun ini. Pelabur dan penyelidik yakin lebih banyak peluang menanti terutamanya menjelang akhir tahun ini sejajar dengan pembukaan semula sektor pembinaan apabila lebih ramai penduduk sudah menerima vaksin.

E.	Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 20 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Sekatan kilang cip Malaysia jejas industri kereta dunia</p> <p>Kekurangan bekalan semikonduktor global, termasuk cip dari Malaysia akan mengurangkan pengeluaran kenderaan di seluruh dunia sehingga 7.1 juta unit tahun ini. Gangguan bekalan berkaitan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/08/853625/sekitan-kilang-cip-malaysia-jejas-industri-kereta-dunia

		<p>pandemik itu akan menjelaskan industri sehingga suku kedua tahun depan. Kadar vaksinasi rendah dan peningkatan kadar jangkitan di Asia Tenggara mendorong penutupan kilang yang mengumpulkan semua jenis semikonduktor. Krisis cip mengurangkan pengeluaran kenderaan global sebanyak 6.3 juta kepada 7.1 juta kenderaan tahun ini, tidak termasuk pengurangan yang dilaksanakan oleh Toyota. IHS melaporkan, sebanyak 2.1 juta unit akan terkesan akibat kekurangan bekalan cip pada suku ketiga tahun ini.</p>	
2.	Utusan Malaysia 23 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>GSA-AEROBAY bangunkan hab digital bagi pesawat, helicopter</p> <p>Global Systèmes Asia Sdn Bhd (GSA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan AEROBAY bagi membuka ruang pembangunan hab digital pembekalan alat ganti dan perkhidmatan (MRO) pengendalian pesawat serta helikopter di rantau Asia Pasifik. Usaha ini sekali gus akan memanfaatkan pasaran MRO global bernilai AS\$750 (RM3,172 bilion) dan menjadikan GSA sebagai syarikat MRO pertama di rantau Asia Pasifik yang menyediakan platform eDagang (E-Commerce) bagi alat ganti dan lebihan stok. Usaha sama Global Systèmes Asia Sdn Bhd (GSA) dan Aerobay ini akan mewujudkan AEROBAY Asia</p>	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/gsa-aerobay-bangunkan-hab-digital-bagi-pesawat-helikopter/

	Pacific (AAP), di mana kedua-dua syarikat akan berkolaborasi dalam bidang kepakaran masing-masing. Kedua-dua syarikat akan memanfaatkan kepakaran masing-masing bagi meningkatkan pengedaran dan keupayaan alat ganti tempatan untuk sektor awam dan ketenteraan serta kerjasama berterusan dengan pihak kerajaan.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kekurangan bekalan semikonduktor global, termasuk cip dari Malaysia akan mengurangkan pengeluaran kenderaan di seluruh dunia sehingga 7.1 juta unit tahun ini. Gangguan bekalan berkaitan pandemik itu akan menjelaskan industri sehingga suku kedua tahun depan. Kadar vaksinasi rendah dan peningkatan kadar jangkitan di Asia Tenggara mendorong penutupan kilang yang mengumpulkan semua jenis semikonduktor. IHS melaporkan, sebanyak 2.1 juta akan terkesan akibat kekurangan bekalan cip pada suku ketiga tahun ini.
2. Global Systèmes Asia Sdn Bhd (GSA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan AEROBAY bagi membuka ruang pembangunan hab digital pembekalan alat ganti dan perkhidmatan (MRO) pengendalian pesawat serta helikopter di rantau Asia Pasifik. Usaha ini akan memanfaatkan pasaran MRO global bernilai AS\$750 (RM3,172 bilion) dan menjadikan GSA sebagai syarikat MRO pertama di rantau Asia Pasifik yang menyediakan platform eDagang (E-Commerce) bagi alat ganti dan lebihan stok. Usaha sama ini akan mewujudkan AEROBAY Asia Pacific (AAP), di mana kedua-dua syarikat akan berkolaborasi dalam bidang kepakaran masing-masing.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penutupan kilang semikonduktor akibat penularan pandemik COVID-19 di Asia Tenggara telah menyebabkan bekalan global industri ini terganggu dengan jangkaan pengeluaran kenderaan di seluruh dunia sehingga 7.1 juta unit tahun ini. Situasi ini akan memberikan kesan kepada penyusunan statistik Akaun semasa terutamanya komponen Perkhidmatan pembuatan. Pada suku tahun kedua 2021, eksport Perkhidmatan pembuatan mencatatkan lebihan sebanyak RM3.8 bilion berbanding RM3.6 bilion pada

<p>suku sebelumnya. Manakala import pula merekodkan RM0.4 bilion berbanding RM0.2 bilion pada suku sebelumnya.</p> <p>2. Memorandum persefahaman (MoU) antara Global Systèmes Asia Sdn Bhd (GSA) dengan AEROBAY akan membuka ruang pembangunan hab digital pembekalan alat ganti dan perkhidmatan (MRO) pengendalian pesawat serta helikopter di rantau Asia Pasifik. Ini memberi kesan kepada penyusunan Akaun semasa terutamanya komponen Perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan. Pada suku tahun kedua 2021, komponen ini mencatatkan defisit sebanyak RM197 juta berbanding RM43 juta pada suku tahun sebelumnya.</p>			
F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge 22 Ogos 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Tingkat kuasa beli, turunkan kos sara hidup pengguna – FMM</p> <p>Penting kepada kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kuasa beli dan menurunkan kos sara hidup, demikian mengikut Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM).</p> <p>Kebenaran membuka semula ekonomi juga wajar dipertimbangkan bagi menjana semula pendapatan dan pada masa sama menurunkan kos menjalankan perniagaan.</p> <p>Asas kepada komuniti perniagaan adalah keperluan mengembalikan tahap keyakinan pelabur asing dan domestik dengan memberi tumpuan kepada dasar yang tepat, memperkuuhkan pasaran modal dan memastikan kestabilan ringgit.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/854497/tingkat-kuasa-beli-turunkan-kos-sara-hidup-pengguna-fmm

2.	Astro Awani 21 Ogos 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>90 peratus usahawan Bumiputera berdepan risiko muflis</p> <p>Sebanyak 90 peratus usahawan Bumiputera termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kini berdepan risiko muflis disebabkan pelbagai sekatan akibat COVID-19 sejak awal tahun lalu.</p> <p>Menurut Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), semua usahawan terbabit terjejas teruk sehingga ada yang kehilangan sumber pendapatan. Oleh itu, bantuan diperlukan bagi mengembangkan semula perniagaan dan ekonomi negara.</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/90-peratus-usahawan-bumiputera-berdepan-risiko-muflis-dpmm-315288
3.	Berita Harian 20 Ogos 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Pembukaan ekonomi elak peniaga gulung tikar</p> <p>Pembukaan 11 sektor ekonomi bagi negeri di bawah Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mampu memberi kesan positif kepada Malaysia khususnya perniagaan yang berada di bawah sektor berkenaan.</p> <p>Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS) berkata Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sebelum ini membayangkan bahawa jika sektor ekonomi terbabit kekal tutup sehingga Oktober, hampir separuh daripada 1.15 juta perusahaan mikro, kecil dan sederhana akan berisiko gulung tikar.</p> <p>Oleh itu pembukaan sektor-sektor ini akan mampu memastikan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/853731/pembukaan-ekonomi-elak-peniaga-gulung-tikar

	<p>perniagaan mereka kekal bertahan.</p> <p>Fasa 1 membabitkan negeri-negeri pemacu utama produktiviti dan perkembangan ekonomi negara seperti Selangor dan Kuala Lumpur.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Penting kepada kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kuasa beli dan menurunkan kos sara hidup, menurut Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM). Kebenaran membuka semula ekonomi wajar dipertimbangkan bagi menjana semula pendapatan dan pada masa sama menurunkan kos operasi perniagaan.
2. Sebanyak 90 peratus usahawan Bumiputera termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdepan risiko muflis disebabkan pelbagai sekatan akibat COVID-19 sejak awal tahun lalu. Menurut Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), usahawan terbabit terjejas teruk sehingga ada yang kehilangan sumber pendapatan. Oleh itu, bantuan diperlukan bagi mengembangkan semula perniagaan dan ekonomi negara.
3. Pembukaan 11 sektor ekonomi bagi negeri di bawah Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mampu memberi kesan positif kepada Malaysia khususnya perniagaan yang berada di bawah sektor berkenaan. Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS) berkata Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sebelum ini membayangkan bahawa jika sektor ekonomi terbabit kekal tutup sehingga Oktober, hampir separuh daripada 1.15 juta perusahaan mikro, kecil dan sederhana akan berisiko gulung tikar. Oleh itu pembukaan sektor-sektor ini akan mampu memastikan perniagaan mereka kekal bertahan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan semula beberapa sektor ekonomi dan sosial bagi negeri di bawah Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) akan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kelonggaran yang membabitkan negeri di Fasa 1 ini dijangka merancakkan ekonomi negara memandangkan Selangor dan W.P Kuala Lumpur menyumbang 40.4 kepada KDNK negara pada 2020. Kesan positif ini, sekaligus akan menjana peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran negara. Selain itu meningkatkan kuasa beli oleh rakyat dan seterusnya menggalakkan pengeluaran di sektor ekonomi yang banyak terkesan sepanjang pandemik ini.

2. Bank Dunia menjangkakan prestasi ekonomi Malaysia berkembang 4.5 peratus pada 2021 berbanding unjuran awalnya 6.0 peratus. Ketidakstabilan politik, peningkatan jangkitan kes COVID-19 dan pelaksanaan sekatan pergerakan yang berpanjangan terus memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, langkah kerajaan dalam pembukaan semula sektor terpilih secara beransur-ansur dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Reuters 21 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Crude oil rally seen wavering</p> <p>The COVID-19-battered global economy slid into a severe recession in 2020, contracting by 3.2% as global markets turned more sensitive with high volatility seen from risky assets, including stocks, to safe havens such as gold.</p> <p>Stepping into 2021, with the development and distribution of vaccines, coupled with stimulus measures, global growth is projected at 6.0% albeit the widening gap between the advanced economies and many emerging market and developing economies. The outlook for 2022 remains positive with global gross domestic product projected at 4.9%.</p>	https://www.reuters.com/world/middle-east/oil-rises-bargain-hunting-expectations-opec-will-not-boost-supply-soon-2021-08-17/
2.	The Stars 21 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Oil price posts biggest week of losses in nine months as Delta variant spreads</p> <p>Oil prices closed out their biggest week of losses in more than nine months with another down day on Friday, as investors sold futures in</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/08/21/oil-price-posts-biggest-week-of-losses-in-nine-months-as-delta-variant-spreads

		anticipation of weakened fuel demand worldwide due to a surge in COVID-19 cases.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kekurangan bekalan semikonduktor global, termasuk cip dari Malaysia akan mengurangkan pengeluaran kenderaan di seluruh dunia sehingga 7.1 juta unit tahun ini. Kadar vaksinasi rendah, peningkatan kadar jangkitan dan sekatan di Asia Tenggara mendorong penutupan kilang yang mengumpulkan semua jenis semikonduktor dan ini memberi kesan kepada pembekal tempatan.
2. Harga minyak mentah naik turun mengikut pada sekatan pergerakan, kadar jangkitan COVID-19 dan kadar vaksinasi. Untuk suku tahun pertama (ST1) sehingga suku tahun kedua (ST2) 2021, rata-rata harga minyak Brent melonjak lebih dari 50 peratus, meningkat kepada AS \$80 (RM339) setong untuk pertama kalinya dalam lebih dari dua setengah tahun.
3. Pasaran minyak mentah kini mencatat kerugian tujuh hari berturut-turut minggu lalu. Banyak negara di seluruh dunia memberi maklum balas peningkatan kadar jangkitan disebabkan oleh varian Delta coronavirus menyebabkan penambahan sekatan perjalanan untuk menghentikan penyebaran.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kenaikan harga minyak mentah dijangka akan terus memberi tekanan kepada IHPR. Perbandingan IHPR suku tahun ke suku tahun memperlihatkan bahawa komoditi minyak mentah mencatatkan pertumbuhan 11.2 peratus pada suku tahun kedua 2021.
2. Prestasi harga minyak mentah global akan memberi kesan kepada keseluruhan IHPR Ogos 2021.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 22 Ogos 2021 (Non-Essential)	Jangkitan baharu turun bawah 20,000 PUTRAJAYA: Jangkitan baharu COVID-19 menunjukan sedikit	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/08/854592/jangkitan-baharu-turun-bawah-20000

		<p>penurunan hari ini apabila sebanyak 19,807 kes dilaporkan berbanding 22,262 semalam.</p> <p>Sementara itu, mengenai 232 kes kematian yang dilaporkan hari ini, 43 kes adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) iaitu membabitkan 32 warganegara serta 11 lagi warga asing.</p>	
2.	Harian Metro 22 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Hanya 13 PPV di Lembah Klang terima individu 'walk-in' bermula esok</p> <p>Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) menetapkan bermula esok (23 Ogos 2021) hanya 13 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Lembah Klang akan menerima individu untuk mendapatkan suntikan vaksin secara terus tanpa janji temu atau walk-in. Langkah itu diambil berikutan CITF mendapati kadar kehadiran warganegara Malaysia di PPV untuk pemberian vaksin secara terus itu semakin berkurangan.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/745449/hanya-13-ppv-di-lembah-klang-terima-individu-walk-in-bermula-esok

Penemuan penting & isu:

1. Selangor mencatatkan kes tertinggi dengan 5,379 kes diikuti Sabah dengan 2,638 kes, Kedah (1,948 kes), Sarawak (1,772 kes), Pulau Pinang (1,501 kes), Johor (1,391 kes) dan Kelantan, 1,196 kes. Kuala Lumpur pula mencatatkan 999 kes, Perak (703 kes), Pahang (598 kes), Melaka (558 kes), Terengganu (534 kes) dan Negeri Sembilan (508 kes). Hanya tiga kawasan mencatatkan kes dua digit iaitu Perlis dengan 54 kes, Putrajaya (24 kes) dan Labuan (4 kes). Hingga kini sebanyak 262,255 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini iaitu 1,026 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 496 kes daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan. Berdasarkan statistic, 19,464 kes bersamaan 98.3

peratus adalah mereka dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan. Selain itu, 343 kes atau 1.7 peratus lagi adalah kes dalam kategori tiga hingga lima iaitu mempunyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen atau berada dalam keadaan kritikal.

2. Sementara itu, mengenai 232 kes kematian yang dilaporkan hari ini, 43 kes adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) iaitu membabitkan 32 warganegara serta 11 lagi warga asing. Seperti sebelum ini, Selangor kekal mencatat kes kematian tertinggi iaitu 94 kes dilaporkan diikuti, Johor (64), Sabah (16), Kuala Lumpur (15), Kedah (11), Kelantan (sembilan), Pulau Pinang (lapan), Perak (lima), masing-masing tiga kes di Melaka dan Negeri Sembilan, Terengganu (dua) serta masing-masing satu di Sarawak dan Pahang.
3. CITF memaklumkan bahwa PPV yang terpilih bagi melaksanakan vaksinasi itu bermula esok (23 Ogos 2021) ialah Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) HCO F, HCO G dan HCO H; Pusat Konvensyen Bangi Avenue (BACC), Axiata Arena Bukit Jalil, Pusat Konvensyen Ideal (IDCC), Shah Alam dan Hotel Wyndham, Klang. Selain itu, PPV Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Dewan Seri Bernam di Sabak Bernam, Stadium Tertutup Kuala Selangor dan Dewan Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Kuala Langat. Terdapat empat lagi PPV secara terus tanpa janji temu yang bermula Rabu dan Khamis depan iaitu PPV Le Pavilion Gamuda Garden di Gombak, Bukit Beruntung Golf Resort manakala hari Khamis pula ialah di PPV Galaxy Mall Ampang serta di Universiti Multimedia, Cyberjaya. Sementara itu, CITF memaklumkan bagi warga asing di Lembah Klang pula, kaedah vaksinasi secara terus untuk mereka dikhususkan di PPV Stadium Nasional Bukit Jalil (PPV SNBJ) yang akan dilaksanakan sehingga hari ini sahaja. Kaedah walk-in bagi warga asing akan digantikan dengan vaksinasi melalui kaedah janji temu. Ini bermakna, PPV SNBJ tidak lagi menerima walk-in bukan warganegara bermula esok. Langkah ini diambil supaya proses vaksinasi warga asing yang menyaksikan sambutan amat baik selama tempoh ia dilaksanakan dapat berjalan dalam keadaan yang lebih selamat dan selesa.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
 - Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;

- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 19 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Penduduk Malaysia kurang berpindah</p> <p>Kadar migrasi di Malaysia menurun ke 1.5 peratus iaitu 484,100 orang bagi tempoh 2019-2020, berbanding 524,100 orang (1.6 peratus) pada 2018, menurut Laporan Survei Migrasi 2020 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia.</p> <p>Migrasi dalam negeri pada tahun lalu merekodkan penurunan 2.4 mata peratus berbanding 60.8 peratus pada 2018. Sementara penghijrahan antara negeri menunjukkan peningkatan 2.7 mata peratus iaitu 31.2 peratus</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/201/08/744481/penduduk-malaysia-kurang-berpindah

		pada tahun lalu, berbanding 28.5 peratus pada 2018. Komposisi migrasi antarabangsa dari luar negara ke Malaysia pula direkodkan 10.4 peratus, iaitu penyusutan 0.3 mata peratus daripada 10.7 peratus pada 2018.	
2.	Harian Metro 20 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Bantuan RM19 juta untuk 19,000 PKS di Johor</p> <p>Kerajaan negeri menyalurkan bantuan 'one-off' kepada 19,000 pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mikro yang berdaftar dengan 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini.</p> <p>Bantuan terbabit merangkumi dua program iaitu, Agenda Johor Berkebajikan dalam Belanjawan Johor 2021 dan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0. Kesemua pengusaha PKS yang berdaftar dengan PBT negeri akan memperolehi bantuan 'one-off' sebanyak RM1,000. Bantuan ini bakal disalurkan kepada enam kategori pengusaha PKS dan mikro di negeri ini meliputi penyewa premis PBT, peniaga pasar malam, peniaga pasar pagi, peniaga pasar tani, penjaja dan peniaga uptown.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/744824/bantuan-rm19-juta-untuk-19000-pks-di-johor
3.	Harian Metro 21 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Sarawak muktamad persediaan vaksin remaja 12 hingga 17 tahun</p> <p>Sarawak sedang memuktamadkan persediaan bagi</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/745284/sarawak-muktamad-persediaan-vaksin-

		<p>melaksanakan proses pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun dalam usaha mengekang jangkitan COVID-19.</p> <p>Pelaksanaan pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun tersebut akan diumumkan apabila semua persiapan selesai.</p>	<u>remaja-12-hingga-17-tahun</u>
4.	Berita Harian 22 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>779 guru di Johor enggan divaksin</p> <p>Seramai 779 guru di negeri ini menolak untuk menerima vaksin COVID-19.</p> <p>Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) akan membantu memberi penerangan kepada kumpulan guru terbabit mengenai kebaikan vaksin supaya mereka sedia menerima suntikan.</p> <p>Kerajaan Johor akan memanggil lebih 700 guru yang menolak vaksin itu secara individu bagi diberi penerangan dan kaunseling supaya mereka faham kepentingannya apatah lagi sesi persekolahan dijangka dibuka Oktober nanti.</p>	<u>https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/08/854429/779-guru-di-johor-enggan-divaksin</u>
Penemuan penting & isu:			<ol style="list-style-type: none"> 1. Kadar migrasi di Malaysia menurun ke 1.5 peratus iaitu 484,100 orang bagi tempoh 2019-2020, berbanding 524,100 orang (1.6 peratus) pada 2018. 2. Kerajaan negeri Johor menyalurkan bantuan 'one-off' kepada 19,000 pengusaha PKS dan mikro yang berdaftar dengan 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri tersebut.

<p>3. Sarawak sedang memuktamadkan persediaan bagi melaksanakan proses pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun dalam usaha mengekang jangkitan COVID-19.</p> <p>4. Seramai 779 guru di negeri Johor menolak untuk menerima vaksin COVID-19.</p>

Maklumbalas Bahagian:

1. Larangan aktiviti perjalanan berikutan penularan wabak COVID-19 memberi kesan kepada corak pergerakan penduduk Malaysia. Merujuk kepada Laporan Survei Migrasi 2020, penduduk Malaysia berumur 1 tahun dan lebih yang berhijrah pada 2020 adalah seramai 484.1 ribu orang.
2. Agenda Johor Berkebajikan dalam Belanjawan Johor 2021 dan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 adalah inisiatif kerajaan negeri Johor bagi meringankan beban PKS yang terkesan semasa pandemik ini. Merujuk kepada Survei Sektor Informal 2019, bilangan tenaga kerja di dalam sektor informal di Johor pada 2019 adalah sebanyak 132.5 ribu orang.
3. Pemberian vaksin kepada kanak-kanak yang berusia 12 hingga 17 tahun adalah antara langkah bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 dalam golongan kanak-kanak. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah di Sarawak pada 2020 adalah seramai 773.7 ribu orang.
4. Para guru juga perlu divaksin terlebih dahulu sebelum pembukaan semula sekolah bagi memastikan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan dalam keadaan selamat kepada semua pihak terutamanya murid. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Johor pada 2019 adalah masing-masing seramai 331,126 orang dan 249,146 orang.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 20 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	QL resources warns of gloomy outlook on livestock farming division, its biggest revenue contributor High raw material cost and weak egg demand that is coupled with	https://www.theedgemarkets.com/article/gl-resources-warns-gloomy-outlook-livestock-farming-division-its-biggest-revenue-contributor

		oversupply are pointing to a negative outlook for QL Resources Bhd's integrated livestock farming (ILF) division in the current financial year ending March 31, 2022 (FY22).	
2.	Sinar Harian 22 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	RM250,000 untuk pengusaha melon manis Seramai 47 pengusaha tanaman fertigasi melon manis di Terengganu menerima insentif sebanyak RM250,000 sebagai galakan bagi meningkatkan mutu dan produktiviti buah berkenaan. Kerajaan negeri memberi insentif itu kerana sektor pertanian merupakan salah satu cabang untuk menjana sumber ekonomi Terengganu.	https://www.sinarharian.com.my/article/157036/EDISI/RM25000-untuk-pengusaha-melon-manis
3.	Harian Metro 22 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Ubah kanopi jadi reban Idea menternak ayam kampung dalam kanopi tercetus sebaik perniagaan katering yang diusahakannya lebih 12 tahun tidak dapat diteruskan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan.	https://www.hmetro.com.my/xpresi/2021/08/745383/ubah-kanopi-jadi-reban
4.	Utusan 23 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Strawberi Kledang Pengubat rindu Sepasang suami isteri yang mengusahakan pokok strawberi tidak menyangka tanaman yang pada awalnya dibuat sebagai hobi bertukar sebagai sumber pendapatan keluarga memandangkan beliau sudah	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/strawberi-kledang-pengubat-rindu/

	lama tidak dapat bermiaga air minuman di pasar malam disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	
Penemuan penting & isu:		
1.	<p><i>High raw material cost and weak egg demand that is coupled with oversupply are pointing to a negative outlook for QL Resources Bhd's integrated livestock farming (ILF) division in the current financial year ending March 31, 2022 (FY22). The low egg prices will be further compounded by the declining demand for eggs due to lower consumption as a result of the pandemic. Meanwhile, raw material prices, which make up a big portion of its cost, are expected to remain at "extremely high" levels, putting pressure on its farming operations. QL's farms produce a total of six million eggs a day, 43 million day-old chicks and 18 million broilers per annum.</i></p> <p>2. Seramai 47 pengusaha tanaman fertigasi melon manis di Terengganu menerima insentif sebanyak RM250,000 sebagai galakan bagi meningkatkan mutu dan produktiviti buah berkenaan. Antara bantuan diberikan ialah benih, baja, racun, sistem pengairan, EC meter, PH meter, basilus serta input-input lain. Pengeluaran hasil bagi tanaman melon manis di negeri itu tidak terjejas sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula fasa pertama pada Mac tahun lalu. Ini kerana pemberian termasuk di kawasan-kawasan terlibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) memandangkan sektor ini termasuk dalam sektor perlu yang dibenarkan beroperasi.</p> <p>3. Idea menternak ayam kampung dalam kanopi tercetus sebaik perniagaan katering yang diusahakannya lebih 12 tahun tidak dapat diteruskan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan. Pemilik syarikat Dimpiana Enterprise itu mengakui, berbanding binaan yang menelan kos lebih tinggi, dia lebih selesa menggunakan kanopi terpakai sebagai reban bagi memelihara 5,000 ayam. Baharuddin kini turut kembangkan perniagaan ayam kampung dengan memajak ladang komersial bagi memelihara 20,000 ayam kampung. Dia mengoptimumkan jualan ayam kampung bukan sahaja sebagai daging segar, malah turut menghasilkan produk hiliran iaitu ayam kampung perap madu untuk tingkatkan pendapatan yang sebelum ini terjejas akibat COVID-19.</p> <p>4. Sepasang suami isteri yang mengusahakan pokok strawberi tidak menyangka tanaman yang pada awalnya dibuat sebagai hobi bertukar sebagai sumber pendapatan memandangkan mereka sudah lama tidak dapat bermiaga air</p>	

minuman di pasar malam disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain buah, lebih 50 pokok strawberi dijual dengan harga antara RM12 hingga RM15 sepokok mengikut saiz. Bekas eksekutif syarikat telekomunikasi itu menamakan kebunnya sebagai Kledang Hills Strawberry Kota sebagai pengubat rindu orang ramai yang sudah lama tidak dapat menjakkan kaki ke Cameron Highlands untuk mendapatkan strawberi segar.

Maklumbalas Bahagian:

1. Merujuk kepada Statistik Tanaman Buah-Buahan 2019 yang diterbitkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia, Terengganu mempunyai kawasan penanaman buah tembikai susu/melon dan tembikai wangi (rock melon) dengan keluasan masing-masing adalah 13.8 hektar dan 1.4 hektar. Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dijangka tidak memberi kesan langsung kepada pengeluaran buah-buahan memandangkan ianya masih mendapat permintaan daripada pengguna.
2. Berdasarkan statistik Perangkaan Ternakan 2019/2020 yang diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, pengeluaran telur ayam/itik pada 2020 meningkat kepada 13,764.6 juta biji berbanding 11,282.6 juta biji pada 2019. Penularan wabak COVID-19 dilihat tidak memberi kesan negatif kepada pengeluaran telur ayam/ itik memandangkan ianya merupakan item makanan yang banyak digunakan oleh penduduk Malaysia.
3. Pada 2019, jumlah ternakan ayam adalah 279.3 juta ekor dengan pengeluaran daging ayam adalah 1,589,080.8 tan metrik. Kadar sara diri (SSR) daging ayam/ itik pada 2019 meningkat kepada 98.2 peratus berbanding 98.1 peratus pada 2018. Statistik ini diperoleh daripada Indikator Pertanian Terpilih, Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Statistik Ternakan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
4. Merujuk kepada penerbitan Statistik Tanaman Buah-Buahan 2019 oleh Jabatan Pertanian Malaysia, Pahang merekodkan penanaman strawberi terbesar dengan keluasan 26.2 hektar dan pengeluaran sebanyak 763.4 tan metrik pada 2019. Manakala, Perak mempunyai kawasan penanaman strawberi seluas 0.2 hektar dengan pengeluaran sebanyak 3.7 tan metrik. Pertambahan pengusaha tanaman strawberi dijangka dapat meningkatkan pengeluaran strawberi di Malaysia.